

**Chapter 1 : Faizal Sidik: Masa Depan Seni Lukis Malaysia**

*Note: Citations are based on reference standards. However, formatting rules can vary widely between applications and fields of interest or study. The specific requirements or preferences of your reviewing publisher, classroom teacher, institution or organization should be applied.*

Kami menjulang sepenuh penghargaan kepada Dr. Seजार dengan anjakan paradigma dalam era globalisasi ini, begitulah dominannya peranan mahasiswa dan mahasiswi khususnya bakal pendidik di negara ini untuk merungkai pelbagai ilmu pendidikan di muka bumi ini terutama dalam pengetahuan seni seimbang dengan kenyataan bahawa seni itu indah dan perlukan penghayatan yang lebih untuk menguasai subjek ini. Justeru, berbanyak terima kasih sekali lagi kepada semua yang berkenaan. Seni tampak Mona Lisa merupakan contoh seni visual. Seni visual adalah satu bentuk seni yang menumpukan kepada hasil penciptaan yang berbentuk visual seperti lukisan, fotografi, grafik dan filem. Kebanyakan disiplin kesenian seperti seni persembahan, bahasa dan masakan melibatkan aspek seni visual dan lain-lain seni, jadi definisi seni tidak terhad. Sejarah balai seni lukis Negara. Pada 27 Ogos, sebuah bangunan 2 tingkat yang terletak di No. Bangunan ini telah diperuntukan oleh kerajaan bagi menempatkan dengan rasminya institusi Balai Seni Lukis Negara. Perasmian itu disertai oleh satu pameran sulung di Dewan Tunku Abdul Rahman bangunan tersebut. Perasmian itu telah disertai pelukis-pelukis seluruh Negara bagi menyatakan semangat kesepakatan dan perpaduan melalui penyertaan karya-karya mereka. Sesungguhnya penubuhan Balai Seni Lukis Negara juga merupakan satu pengiktirafan kerajaan terhadap bidang seni visual tanah air. Proses pembinaan siap pada tahun Mahathir bin Mohamad yang kini sudah diberi gelaran Tun. Di samping itu, bentuk segi empat tepat mewakili seni visual, manakala bentuk bujur memanjang menyakinkan intisari seni. Logo ini direka cipta oleh Y. Datuk Syed Ahmad Jamal. Menjadi pusat terunggul pengembangan serta pengumpulan hasil seni visual tanah air dan pemegang amanah warisan seni Negara. MISI Mengumpul, memulihara, memelihara, mempamer, mempromosi, memupuk kesedaran, kefahaman, dan penghayatan yang tinggi terhadap seni kepada semua lapisan masyarakat. Memperoleh hasil karya sebagai Himpunan Tetap Warisan Seni Visual Negara yang mencerminkan kreativiti dan aspirasi seni budaya di dalam Negara dan juga dari luar Negara. Mempromosi dan meningkatkan mutu seni tampak Negara dengan menganjurkan pameran, seminar, bengkel, pertandingan aktiviti seni dalam dan luar Negara. Mewujudkan kesedaran, memupuk kefahaman, penghayatan dan penghargaan terhadap seni. Mempersembahkan pameran-pameran karya seni tempatan dan luar. Menggalakkan perkembangan seni dalam kalangan masyarakat. Jawatankuasa Pameran, Lembaga Himpunan Amanah Balai Seni Lukis Negara bermesyuarat beberapa kali dalam setahun untuk memilih cadangan atau permohonan pameran yang diterima. Pihak jawatankuasa tetap mengalu-alukan cadangan atau permohonan tahun berikutnya adalah pada 1 September tahun semasa. Oleh kerana biasanya jumlah cadangan pameran yang diterima melebihi kuota yang ada, sesuatu maklumbalas tidak diberi dengan segera. Balai Seni Lukis Negara berhak untuk menerima atau menolak cadangan atau permohonan pameran mengikut kriteria pemilihan dan diskripsi. Pemohonan juga mungkin diminta member maklumat juga mungkin diminta member maklumat lebih lanjut berkaitan cadangan. Semua cadangan atau proposal yang diluluskan akan merangkumi perjanjian individu mengikut terma kerjasama yang dipersetujui antara pencadang dan Balai Seni Lukis Negara. Ahli Timbalan ketua setiausaha kebudayaan - Y. Raja Zahabuddin bin Raja Yaacob. Philip Wong Hon Keong. Ahli " Puan Noriah binti Abdullah. Ahli " Cik Azah Hanim binti Ahmed. Muhammad Siddek bin Khalid. Program yang diadakan di Balai Seni Lukis Negara. Dengan cara kita ialah sebuah pameran yang memaparkan hasil karya serupa tempatan yang tiada pendidikan seni yang formal, termasuk mereka yang ebrbakat semulajadi. Karya " karya yang terdiri dari lukisan, catan, bahan campuran dan arca yang dipilih khas untuk pameran ini adalah berujuan untuk mengenengahkan keunikan kualiti mencipta serta individu-individu yang menghasilkannya. Tempat berlangsungnya pameran Dengan Cara Kita, namun kami tidak dibenarkan untuk mengambil gambar. Kunjungan kami ke pameran Cheng Haw Chien Penjaga galeri yang menceritakan serba

=

sedikit kisah lukisan cina.

**Chapter 2 : Pameran Karikatur Seniman dan Seniwati Lagenda Malaysia | mimbar kata**

*Pameran Seni Lukis Antarabangsa Asia ke 5th = by Asian International Art Exhibition (5th Balai Seni Lukis Negara), , Balai Seni Lukis Negara edition, in English.*

Pengenalan Dalam dua puluh tahun kebelakangan ini dilihat terdapat fenomena yang melanda diseluruh dunia dimana minat terhadap seni lukis kontemporari telah bertambah dari tahun ke tahun. Kebanyakan rakyatnya menjadi samada pelarian perang atau bermigrasi untuk mencari kehidupan baru di negara baru. Amerika Syarikat menjadi pilihan mereka, maka Amerika telah menjadi satu kuasa baru dalam seni moden atas kehadiran warga Eropah yang melarikan diri dari negara mereka atas faktor politik, kebuluran mahupun untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Jadi warga yang baru sampai dari luar ini berlumba-lumba dalam ingin menunjukkan kehebatan masing-masing. Perihal ini tidak terkecuali dalam bidang seni lukis, maka lahirlah aliran baru dalam seni atas penerokaan warganya yang bersalasilahkan dari bangsa Eropah, Aliran seni seperti ekspressionisme abstrak, seni pop, seni optik, seni minimal dan lain-lain telah menjadi gerakan baru dalam aliran dunia seni. Perkara ini boleh dibuktikan berdasarkan pelajar-pelajar kita yang pernah menuntut samada di Eropah atau di Amerika telah terpengaruh dengan sistem seni di sana dan meneruskan kesinambungannya selepas mereka lembali ke tanahair. Mendepani Cabaran Semasa Namun begitu ini bukanlah pokok perbincangan di dalam tulisan ini yang membicarakan masa depan seni lukis di negara ini. Jika persoalan masa depan seni lukis di negara ini dilontarkan, saya mengatakan seni lukis bukan sahaja mempunyai potensi yang besar untuk berkembang maju seiring dengan hasrat negara dalam menjadikan seni budaya sebagai salah satu penerapan nilai rohani terhadap pembentukan insan dan secara fizikalnya kepada sektor pelancongan yang menyumbang kepada pendapatan negara selain daripada bahan mentah. Malahan seperti juga bidang sukan yang sangat diberikan perhatian oleh kerajaan dari segi penyediaan infrastruktur seperti stadium, gelanggang, aspek kejurulatihan, fisioterapi dan sebagainya. Jika kita lihat kerajaan Perancis berjaya menjadikan seni budaya sebagai pendapatan utama negara mereka, lihat sahaja bagaimana pengunjung sanggup beratur panjang dan membayar semata-mata untuk melihat karya Monalisa walaupun telah retak seribu kerana telah berusia ratusan tahun di Louvre Museum. Laporan ini juga menunjukkan dalam senarai 10 muzium yang paling dilawati semuanya berada di Eropah kecuali hanya satu sahaja datangnya dari tempat lain iaitu Asia iaitu National Palace Museum yang terletak di Taiwan. Persolannya bagaimanakah untuk menyuburkan minat umum jika ruang ini yang dikatakan tidak mendatangkan keuntungan dari aspek pengiklanan dan kemudiannya dimansuhkan. Pada awal tahun 70 an majalah Dewan Sastera terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka boleh dikatakan majalah yang menjadi rujukan utama dalam oleh para seniman dan sasterawan dalam membaca karya sastera terkini, peristiwa seni atau pameran seni yang diadakan di negara ini. Antara yang telah mengambil bahagian dalam perdebatan di dalam majalah ini selama beberapa bula adalah seperti Redza Piyadasa, Siti Zainon Ismail,, Salleh Ben Joned, Raja Zahabuddin, Krishen Jit, Ponirin Amin telah diikuti dengan penuh minat oeh seniman dan sasterawan. Sehingga kini majalah ini tidak putus-putus menerima artikel atau ulasan pameran atau profil pelukis dalam menyemarakkan lagi kegiatan seni di negara ini. Kadangkala Dewan Budaya memberikan tema yang khusus untuk diperbincangkan oleh pakar bidang atau ahli akademik sebagai fokus majalah misalnya dalam keluaran ini yang membicarakan tajuk Masa Depan Seni Lukis di Negara ini. Menyelusuri minat terhadap seni kontemporari, setelah kemunculan internet yang mempercepatkan lagi saluran maklumat dan komunikasi yang berlaku di pusat seni seperti New York dan London minat ini mula tersebar di Timur. China yang dahulu menutup pintunya kepada dunia kini telah menjadi kuasa besar ekonomi dunia, dengan penduduk yang berjumlah 1. Atas dasar itu banyak galeri swasta samada di Barat yang dahulunya mempunyai beberapa cawangan mereka di pusat-pusat seni ini mula melebarkan sayap mereka ke Asia Timur seperti Shanghai dan Hong Kong. Usah dilupakan juga negara Asia Barat kerana jarak negara ini tidaklah begitu jauh dari pusat seni, Kekayaan negara Arab ini hasil daripada penjualan minyak telah membuka banyak peluang kepada pembanguna seni. Putera-putera Arab yang kaya

raya ini seperti di Emiriah Arab Bersatu, Qatar dan Bahrain telah membuka kepada warga Eropah untuk membina infrastruktur seni budaya di negara mereka hasilnya banyak rekaan seni bina terkini yang telah dibina di bandar utama mereka Abu Dhabi, Doha dan Manna tidak terkecuali dalam seni, dalam memajukan aspek kesenian terutamanya seni lukis mereka telah mengadakan kerjasama dengan muzium popular dunia seperti Louvre Museum dan Metropolitan Museum of Art. Kini hasilnya cawangan-cawangan museum ini telah dibina di negara ini dan sebilangan koleksi daripada museum utama yang terletak di Paris dan New York telah di pinjamkan ke muzium baru ini dalam menjana ekomoni berasaskan pelancongan seni. Dalam dunia seni, keempat-empat ini dikatakan pelengkap bagaimana sistem dunia seni itu berfungsi. Bagaimanakah saya boleh berkata sebegini? Pelukis adalah figura penting dalam dunia seni, jika tiada pemain utama ini pemain-pemain yang lain akan lumpuh kerana tiada objek atau produk samada untuk dijadikan komoditi, dipasar atau untuk dimiliki. Aspek ini menjadi nilai insan yang semakin dihargai oleh kerajaan. Dalam dunia pendidikan kanak-kanak mula didedahkan dengan seni lukis semenjak pra sekolah atau lebih awal dari itu bergantung kepada inisiatif ibu bapa. Seni dan reka cipta adalah penyelesaian masalah ini jarang disedari oleh ibu bapa di sini. Apabila mereka memasuki sekolah rendah pelajaran seni lukis akan diajar seminggu sekali oleh guru pendidikan seni. Apabila mereka naik ke sekolah menengah, tunas pelukis muda mula terbentuk berdasarkan minat yang ditunjukkan di dalam kelas dan atas galakan guru seni. Pelukis tunas ini kebiasaannya akan mendapat keputusan yang cemerlang dalam matapelajaran pendidikan seni. Luan mereka seterusnya adalah dengan melangkah masuk ke institusi pendidikan tinggi awam atau swasta dalam jurusan seni halus. Menyedari kepentingan tenaga baru yang dapat mengerakkan dunia seni ini kerajaan telah mengadakan Sekolah Seni, konsep sekolah seni ini sekali lagi adalah idea dari Sekolah Sukan dalam melahirkan atlet sukan. Pelukis Malaysia ada yang bergerak secara solo, berkumpulan mahupun berpersatuan. Dilema yang dihadapi oleh mereka apabila bergraduan adalah tekanan hidup daripada ibu bapa. Tekanan ini berpunca daripada harapan ibu bapa yang terlalu tinggi dan mengharapkan anak mereka mempunyai pekerjaan tetap setelah habis belajar, oleh itu terdapat polarisasi pelukis-pelukis ini dalam meneruskan karier mereka. Pertama adalah menjadi pelukis sepenuh masa dimana tumpuan yang sepenuhnya diberikan kepada penghasilan karya seni. Mereka bergerak secara profesional dengan mempunyai studio atau bengkel seni sendiri. Kebanyakan pelukis sepenuh masa di Malaysia adalah pelukis mapan yang telah berkarier 20 hingga 30 tahun. Terdapat juga pelukis muda yang setelah keluar daripada sekolah seni terus memilih untuk bergerak secara sepenuh masa samada menjadikan ruang residensi di dalam dan di luar negara sebagai studio atau makmal seni mereka. Kebanyakan pelukis sepenuh masa mempunyai galeri yang mewakili mereka samada melalui kontrak atau berasaskan projek pameran di galeri mereka. Bagi pelukis sepenuh masa yang telah mempunyai nama dalam dunia seni penjualan karya mereka tidak begitu sukar jika dibandingkan dengan pendaatang baru kerana mereka mempunyai galeri dan pengumpul yang telah mengikuti perkembangan pengkaryaan mereka sejak awal dalam membuat pilihan pembelian. Bagi pelukis separuh masa bermaksud pelukis yang mempunyai pekerjaan hakiki diwaktu siang namun masih lagi menghasilkan karya pada waktu malam atau terluang. Biasanya habuan kewangan daripada pekerjaan harian bukan sahaja untuk memenuhi kehidupan seperti manusia biasa yang ada keperluan yang perlu dilunaskan tetapi juga dijadikan modal untuk membeli peralatan seni dalam menghasilkan karya-karya baru. Kebanyakan mereka mungkin terlibat dengan perniagaan dan terlalu sibuk dengan dunia keushawanan lalu melupakan terus segala kemahiran yang diperolehi. Ada juga dikalangan mereka sungguh tidak terlibat lagi dalam penghasilan karya seni, ilmu seni yang ada telah dijadikan sebagai batu loncatan sebagai pemilik galeri yang memperdagangkan seni rakan-rakan pelukis untuk menghubungkan antara pelukis dan pengumpul atas hubungan akrab yang dimilikinya. Kini terdapat hanya dua sekolah seni di Malaysia, bilangan ini hendaklah ditambah di setiap negeri di Malaysia terutamanya di bandar-bandar yang dikenali bandaraya pusat seni pada hari misalnya di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka. Begitu juga institut pengajian tinggi, hampir setiap negeri mempunyai universiti perlu membuka atau menawarkan kursus seni dan budaya dalam persediaan menyediakan tenaga mahir dalam bidang ini di masa depan. Kini hanya Aswara atau Universiti P. Ramlee sahaja yang menawarkan sepenuhnya kursus seni dan budaya. Usaha yang

sama perlu dilakukan dengan membanyakkan lagi dalam mewujudkan institut pengajian tinggi yang memokuskan hanya kursus seni lukis dalam pelbagai genre dalam menyokong sekolah-sekolah seni yang ada nanti. Kesimpulannya bagi meletakkan pelukis itu bergiat secara serius sebagai pelukis sepenuh masa beberapa inisiatif boleh diadakan dalam aspek kebajikan dan dalam meneruskan kelangsungan karier seni mereka tidak terkandas dalam menghasilkan karya-karya besar dan hebat, misalnya bagi pelukis muda sudah tentu ruang kerja atau studio menjadi keperluan utama, Beberapa cadangan boleh disarankan misalnya dengan sokongan korporat, kilang, gudang, pusat membeli belah, kedai, pejabat, rumah, bangunan kerajaan atau kuarters kerajaan yang telah ditinggalkan kosong dan tidak digunakan lagi boleh dijadikan sebagai ruang pelukis yang boleh dinamakan dengan pelbagai nama seperti residensi, ruang alternatif, komuniti seni. Tempat-tempat ini boleh dijadikan sebagai tempat tarikan pelancong baru yang bukan sahaja akan mendatangkan pekerjaan kepada pelukis tetapi juga membantu menjana pendapatan baru melalui pelancongan seni budaya. Galeri Pemain kedua iaitu galeri boleh dilihat dalam konteks yang lebih besar iaitu infrastruktur seni yang ada di negara ini seperti muzium seni, galeri seni, expo seni, rumah lelongan. Ruang pameran samada berskala besar, sederhana atau kecil amat perlu sebagai perantara antara pelukis dengan penghayat. Muzium dan galeri ini rancak mengadakan pameran sepanjang tahun misalnya Balai Seni Negara dan Muzium Kesenian Islam Malaysia adalah merupakan ruang pameran peringkat nasional dan bertaraf antarabangsa, muzium ini mempamerkan karya koleksi negara dan antarabangsa serta juga pameran secara berkala. Muzium negeri atau balai seni negeri dan muzium unversiti banyak membantu dalam menampung permintaan oleh pelukis negeri atau pameran berasaskan penyelidikan. Muzium negeri seperti Muzium Negeri Terengganu, Balai Seni Lukis Sabah dan Galeri Seni Johor misalnya banyak memberikan peluang kepada anak negeri mempamerkan karya mereka disamping mengadakan pameran yang mengangkat nilai seni budaya negeri. Disamping itu juga galeri-galeri ini membuka ruang kepada pengkarya luar yang sedia berkongsi penerokaan kepada khalayak akademik dalam memperluaskan lagi kajian atau bidang mereka kepada awam. Pada hari ini infrastruktur pameran untuk memberi peluang untuk pelukis bukan sahaja disediakan oleh muzium dan balai seni kerajaan yang mendapat dana daripada kerajaan sahaja malah infrastruktur yang disediakan oleh pihak galeri swasta juga membantu mengerakkan seni dengan memberi pilihan ruang kepada pengkarya. Kini terdapat lebih tiga ratus galeri seni sebegini yang berpusat di bandaraya besar Malaysia seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka. Pada masa hadapan dijangka bilangan ini akan bertambah seiring dengan minat terhadap seni kontemporari pada hari ini. Untuk mendepaninya persediaan dari sekarang perlu diadakan seperti pembesaran ruang pameran, kemudahan wifi, penyediaan aplikasi alat bantu pameran yang terkini yang lebih interaktif dengan pengunjung dan ruangan khas permainan seni untuk anak kecil beraktiviti dalam menjadikan muzium sebagai pusat riadah dan bersosial berteknologi terkini yang terbaru. Pasaran seni semakin berkembang bukan sahaja daripada sokongan muzium dan balai seni serta galeri seni swasta. Namun begitu pada masa kini pelukis tidak mendapat apa-apa habuan sekiranya karya mereka dijual semula dipasaran kedua ini oleh pengumpul. Oleh yang demikian polisi yang baru, saksama dan menjaga hak pengkarya asal perlu dilihat semula oleh kerajaan di masa akan datang. Kurator Kurator memainkan peranan yang penting dalam menghubungkan karya oleh pelukis kepada penghayat. Sejarah kuratorial di negara ini boleh dikatakan bermula selepas kewujudan Balai Seni Negara pada akhir tahun an. Penganjuran KL Biennale iaitu julung kali diadakan telah berjaya mempromosikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya seni budaya yang menjadi pilihan peminat seni dan pelancong untuk datang. Walaupun terdapat pengajuran Biennale misalnya Langkawi Biennale, Shah Alam Biennale namun seni ini hanya bersifat perkhemahan dan residensi seni. KL Biennale adalah penanda aras seni lukis Malaysia di masa hadapan dalam meletakkan Malaysia setanding dengan negara rakan-rakan Asia Tenggara yang lain seperti Singapore Biennale, Jakarta Biennale dan Jogjakarta Biennale sebagai salah satu sirkit antarabangsa Biennale seni. Kewujudan muzium seni kontemporari yang semakin banyak tumbuh di negara-negara membangun dan negara maju kini bukan untuk menyaingi kewujudan muzium seni moden, muzium seni negara-negara berkenaan. Bagi memenuhi permintaan yang semakin tinggi daripada pelawat daripada gambar-gambar yang dimuat naik ke dalam media sosial, karya

sebegini mendapat perhatian disukai ramai. Muzium- muzium sebegini yang diuruskan oleh kumpulan kuratorial di masa hadapan perlu diberi perhatian dalam pembangunan seni di pusat-pusat seni di negara ini misalnya membina sebuah muzium seni kontemporari iaitu Muzium Seni Kontemporari Kuala Lumpur MoCA KL. Selain daripada kurator insituti yang berkhidmat dengan muzium atau balai seni terdapat juga kurator yang bergerak secara bebas tanpa ada komitmen terhadap visi sesuatu badan. Kini kurator di negara ini semakin hari-hari semakin meningkat jumlahnya, walaupun tiada angka rasmi yang boleh dirujuk tetapi berdasarkan pameran yang diadakan sepanjang 5 tahun kebelakangan ini yang banyak galeri yang menjemput kurator bebas ini masuk untuk mengkuratorkan pameran mereka. Bersangkutan peningkatan jumlah ini satu kesatuan perlu diadakan dalam bentuk persatuan kurator misalnya dengan nama Forum Kurator Malaysia FKM bagi mendepani cabaran yang dihadapi oleh mereka dari segi undang-undang, penapisan, hak cipta, royalti dan lain-lain. Di bawah persatuan ini nanti diharapkan dapat menjadi jurucakap dan payung dan untuk para kurator Malaysia untuk berteduh jika dikaitkan isu. Disamping itu juga dalam menjalankan kegiatan yang dapat memantapkan profesion mereka seperti seminar, forum, bengkel, syarahan dan lain-lain. Ada juga kurator-kurator Malaysia ini yang telah mencipta nama diperingkat antarabangsa seperti dijemput untuk mengkurator pameran atau menjadi pengarah artistik seperti Singapore Biennale, SEA Art Triennale, Art Basel Hong Kong dan lain-lain. Dalam jangka masa panjang untuk melihat persaingan yang sihat pengiktirafan perlu diadakan dalam menghargai sumbangan mereka. Pengiktirafan boleh dijalankan oleh persatuan oleh Forum Kurator Malaysia misalnya dengan institusi seni negara sebagai badan penyokong dalam memilih kurator yang mengharumkan nama Malaysia di luar. Anugerah ini juga boleh diberikan di dalam mana-mana anugerah seni lukis yang diadakan secara tahunan oleh badan seni dengan menamakan kurator terbaik tahun itu dalam memberi semangat, meningkat lagi prestasi dan mutu kuratorial dari masa ke semasa. Kolektor Kolektor memainkan peranan yang penting dalam menghimpun atau mengumpul karya seni yang dihasilkan pelukis melalui perantaraan galeri dan kurator untuk diperolehi kepada mereka. Kolektor atau pengumpul ini boleh dibahagikan kepada kolektor persendirian, korporat dan institusi. Telah menjadi trend pengumpul persendirian pada hari ini terdiri dikalangan mereka yang profesional dalam bidang masing-masing contohnya peguam, ahli perniagaan, pemaju hartanah, ketua pegawai eksekutif, pakar bidang, profesional muda dan lain-lain. Pengumpul korporat boleh diklafikasikan sebagai pengumpul yang menghimpun dalam memenuhi misi dan visi syarikat itu disamping memperlihatkan kepada umum tanggungjawab sosial kepada masyarakat dalam menyokong membeli karya seni pelukis tempatan. Disamping menyimpan karya di dalam arkib simpanan karya-karya ini juga diletakkan di dalam bangunan dan pejabat mengikut kesesuaian dalam mewujudkan suasana kerja yang selesa dan kondusif seterusnya meningkatkan imej syarikat dimata umum. Sebagai institusi utama seni negara Balai Seni Negara telah memainkan peranannya sebagai kolektor dalam merencanakan dunia seni yang dimainkan oleh pelukis, galeri dan kurator. Kini institusi ini mempunyai karya koleks negara yang berjumlah RM 73 juta hasil daripada perolehan melalui pembelian, komisen dan hadiah. Pada sekitar tahun an dan an terdapat banyak arca awam yang dibangunkan samada oleh kerajaan atau pihak swasta antaranya Taman Arca Asean yang terletak di perkarangan Tugu Negara, Taman Warisan Public Bank, Kuala Lumpur. Korporat pula meletakkan arca awam atau mural sebagai mercu tanda atau mencantikan lanskap bangunan mereka antara di perkarangan Bangunan Maybank, Bangunan Bank Negara. Kehadiran muzium-muzium seni baru ini bukan sahaja untuk memperingati mereka malah memperbanyakkan muzium seni yang ada di sini malah akan menaikkan lagi imej negara sebagai destinasi seni penting malah meletakkan seni budaya sebagai pendapatan utama negara di masa akan datang. Kesimpulan Peranan dan saranan kepada pemain-pemain dunia seni seperti pelukis, galeri, kurator, kolektor perlu dilihat sebagai agen penting dalam melihat ke hadapan terhadap pembangunan seni di negara ini. Realitinya hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai kuasa seni lukis baru di Asia Tenggara kini telah menjadi kenyataan atas penganjuran KL Biennale. Momentum ini perlu diteruskan dalam tempoh 10 tahun akan datang dengan meletakkan Pavillion Malaysia di tempoh itu di Venice Biennale dan pameran antarabangsa yang hebat-hebat diadakan di sini boleh dijadikan sebagai penanda aras baru kepada pencapaian

besar seni lukis Malaysia dalam menjadikan negara ini sebagai destinasi seni lukis utama pula di Asia dan antarabangsa.

**Chapter 3 : SERTAI KAMI SEMARAKKAN SENI DI JBI: Pameran : ISKANDAR MALAYSIA CONTEMPOR**

*Pameran Seni Lukis Antarabangsa Asia ke 5th = 5th Asian International Art Exhibition / National Art Gallery, Kuala Lumpur, Malaysia, December 17 January 6 Asian International Art Exhibition Balai Seni Lukis Negara)*

LPSVN atau dikenali dengan Balai oleh khalayak seni di sini, mempunyai visi sebagai pusat terunggul pemegang amanah warisan seni negara. Misi institusi ini adalah mengumpul, memulihara, memelihara, mempamer, mempromosi, memupuk kesedaran, kefahaman dan penghayatan yang tinggi terhadap seni kepada semua lapisan masyarakat. Objektif penubuhan Balai terbahagi kepada empat iaitu; untuk memperoleh hasil karya sebagai Himpunan Tetap Warisan Seni Visual Negara yang mencerminkan kreativiti dan aspirasi seni budaya. Memulihara, memelihara, mendokumentasi dan menyelidik Himpunan Tetap Warisan Seni Visual Negara dan pensejarahan seni negara. Mempromosi dan meningkatkan mutu seni visual negara dengan menganjurkan pameran, seminar, bengkel, pertandingan dan aktiviti seni dalam dan luar negara. Balai terdiri dari pada dua sektor iaitu Operasi dan Pengurusan. Sektor Operasi boleh dipecahkan kepada lima. Bahagian Penyelidikan dan Pameran merupakan core business atau penubuhan utama Balai dengan mengadakan pameran seni visual. Setelah setengah abad, Balai telah mengadakan buah pameran yang terdiri daripada pameran solo, pameran berkumpulan, pameran koleksi, pameran usahasama, pameran bergerak dan pameran luar negara. Projek yang telah dirancang sejak awal lagi ini akan diadakan pada 27 Ogos hingga 17 September dengan penglibatan lebih daripada 10 galeri swasta. Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara LPSVN adalah infrastruktur seni utama negara kita yang menyimpan dan memulihara hasil seni lukis tanahair sejak penubuhannya pada tahun lagi. Bahagian Koleksi dan Konservasi adalah jantung kepada institusi ini. Sehingga tahun Balai telah mengumpul karya daripada pelbagai genre seperti, catan, arca lukisan, cetakan, fotografi, video, instalasi dan lain-lain. Sebagai payung kepada program pembangunan seni lukis di Malaysia sudah tentu ia berhadapan dengan pelbagai cabaran sepanjang lebih 50 tahun penubuhannya. Salah satu cabaran yang dilaluinya adalah untuk menjadikan ia sebagai pusat rujukan penting seni lukis moden dan kontemporari Malaysia. Sehingga kini Balai bukan sahaja menerima pelanggan ilmu atau pengkaji yang datangnya dari pusat pendidikan seni lukis tempatan malah juga dari universiti-universiti luar negara yang datang untuk menatap, memikir dan menyelongkar khazanah seni lukis negara dalam menyiapkan kertas-kertas kerja atau tesis-tesis peringkat sarjana ataupun doktor falsafah. Untuk itu Strategi Cadangan Perolehan dirangka dalam membuat perolehan melalui samada lawatan ke studio dan lawatan ke pameran yang diadakan. Ada beberapa kriteria yang diberikan penekanan dari segi pemilihan untuk perolehan seperti sesuatu karya itu mempunyai maklumat visual dan nilai sejarah yang penting kepada negara dan karya yang amat signifikan dalam sejarah seni di Malaysia. Jika Bahagian Koleksi merupakan jantung, Bahagian Penerbitan merupakan nadi yang menggerakkan program pameran dan pengkoleksian dengan lebih rancak. Bahagian ini mempunyai unit dokumentasi dan rekabentuk yang sangat aktif menerbitkan buku, katalog, majalah, brosur dan bahan pameran. Sehingga kini Jun Balai telah menerbit judul, boleh dikatakan 50 peratus daripada penerbitan buku seni visual tempatan datangnya daripada Penerbit LPSVN. Segala perancangan program Balai samada pameran dan pengkoleksian sudah tentu mensasarkan kepada khalayak untuk mencapai atau akses terhadap produk pameran yang dibina dan diperbincangkan. Oleh itu, Bahagian Pendidikan dan Jaringan berperanan merancang, mendidik, memberi pendedahan dan membantu mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran terhadap kepelbagaian bidang seni visual dengan berkesan menerusi aktiviti sokongan dan perkhidmatan pendidikan. Balai telah berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti dan program khusus untuk mempromosikan kepelbagaian seni visual seperti yang dilakukan oleh Bahagian Korporat. LPSVN beroperasi bukan sahaja sebagai sebuah ruang berpameran sahaja, tetapi juga sebagai pemangkin kepada pembangunan seni visual tanahair. Balai akan terus bergerak ke hadapan dengan matlamat dan peranannya. Balai telah merangka program yang lebih menyeluruh dalam membangunkan dan mengembangkan seni visual di Malaysia. Manakala dengan akta baru di telah diwartakan Balai dalam proses



melebarkan sayap dengan pembukaan cawangan di zon seperti di utara, timur, selatan dengan mengadakan perkongsian pintar dengan muzium seni di Sabah dan Sarawak.

**Chapter 4 : Persidangan Seni HAO @ Arteri**

*Esei-Esei Kuratorial Seni Lukis Malaysia, Asia Tenggara dan Antarabangsa oleh Pelukis-Kurator. (Curatorial Essays on Malaysian, South East Asian and International Art Scene by Artist-Curator).*

Share Adakah pengiat seni di Asia Tenggara sudah bersedia dengan gelombang minatnya terhadap peminat seni antarabangsa pada seni kontemporari disini? Persidangan HAO pada edisi kedua ini mula membuka ruangnya kepada 12 penyertaan luar bukan sahaja dari Singapura malah kepada pekerja seni di Asia Tenggara yang telah berkecimpung secara aktif sekurang-kurangnya 6 tahun dalam industri kreativiti ini dan berminat bagi mengembangkan dan membangunkan mengikut keperluan komuniti mereka. HAO merupakan persidangan pembangunan strategi jangka panjang, bermentorkan kepada pemangkin-pemangkin industri seni dan perkongsian maklumat dan budaya sesama Asia Tenggara. Persidangan HAO direncana untuk merapatkan lagi jurang wilayah pasaran baru seni kini yang mana daerah tenggara ini sedang meletup mungkin anda boleh melihat karya oleh pelukis pop iaitu Roy Lichtenstein yang memberi tajuk yang sama bagi menggambarkan keadaan yang sedang meletup ini sedang mula mendapat perhatian baru para pemain-pemain seni. Dimana pertemuan ini diharap dapat membantu mereka mengembangkan, merubah dan bersaing dalam pasaran seni global. Peserta dalam persidangan ini dicabar untuk berfikir diluar kotak lingkaran. Villains merupakan kolektif kreatif yang ditubuhkan pada oleh mereka yang berpengalaman dalam seni halus, rekaan grafik, perfileman dan pengurusan produksi dalam mencorakkan program dan memilih penceramah dan fasilitator pada persidangan kali ini. Kelainan dalam sesi kali ini adalah beliau tidak berada dalam masa dan tempat yang sama dengan peserta. Peserta hanya meihat rakaman secara video dengan Rich yang disediakan oleh penganjur. Dalam penyampaian beliau banyak membuat perbandingan antara citarasa atau taste dan buangan atau waste. Menurutnya konsep minima iaitu menolak produksi besar-besaran dalam seni boleh mengurangkan pencemaran. Menurutnya lagi pencemaran dan konsumer adalah merupakan dalam ekologi perniagaan, beliau menyarankan seni konsumer iaitu seni interaktif dua hala antara diantara audien dengan objek seni bagi mengurangkan pencemaran. Mereka yang bekerja sebagai sebuah kumpulan artis merentangi disiplin kreatif seperti seni halus, rekaan, perfileman termasuklah multimedia mempunyai visi dalam mencari dan mendekati audien dan pelanggan mereka dengan idea-idea yang inovatif dan menarik untuk di kongsi. Dalam projek dan program yang dilakukan oleh Villains mereka ingin mewakili tangan-tangan gelombang yang mempengaruhi generasi muda dengan visi yang unik dan idea-idea yang kritikal dalam penghasilan artistik. Artis biasanya lebih senang bekerja secara individu dalam berkarya namun Villains banyak berkongsi pengalaman bagaimana mereka dapat bekerja secara kolektif walaupun masing-masing mempunyai kepakaran bidang yang beza dalam membina program atau menyertai pameran pameran sebagai kurator dan artis yang boleh bekerjasama dalam satu bumbung. Mereka cuba memecahkan dinding sempadan konvensional yang diciptakan oleh pengkarya individu dalam kreativiti kepada dalam satu entiti pasukan yang mempunyai misi yang sama menjana pengalaman, wacana, infoemasi dan inspirasi antara sesama mereka. Dari situ beliau beralih ke Asia dan banyak melakukan kerja-kerja pembinaan laman web dan kempen periklanan untuk jenama global di bawah bumbung OgilvyOne Singapore. Selepas mempelajari selok belok perdagangan iklan beliau menjadi perunding atau konsultasi projek sebagai pemikir kreatif, pengarah kreatif dan pereka. Beliau kini merupakan pengarah kreatif Kult3D yang terlibat dengan projek di Asia samada idea yang bersifat komersial dan eksperimen. Beliau juga sering dijemput untuk membuat rekaan majalah, selain mengadakan wokshop dan banyak bereksperimentasi dengan media baru. Menurut beliau mengkuratorkan majalah atau buku tidak banyak perbezaan dengan idea daripada kerja-kerja mengkuratorkan pameran. Ia menuntut seorang kurator untuk melakukan penyelidikan dan lawatan ke galeri-galeri swasta mahupun ke kolej atau universiti untuk mencari bahan untuk dimuatkan kedalam keluaran majalah. Apa yang significant pengkuratoran majalah beliau ini ialah beliau seboleh mungkin untuk membawa kandungan isi majalah atau rekaan secara interaktif atau dekat dengan pembaca. Beliau cuba untuk menukar konsep pengguna estetik pergi ke galeri untuk

